



**UNIVERSITI
MALAYA**

Akademi Pengajian Islam



PANDUAN PENULISAN ILMIAH

**Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya**

Edisi Keempat

KATA ALUAN

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah SWT di atas segala limpahan kurniaan nikmatNya. Selawat dan salam kepada junjungan mulia, Nabi Muhammad SAW, kepada seluruh ahli keluarga dan para sahabat.

Pertama sekali, saya bagi pihak Ahli Jawatankuasa Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi APIUM bersyukur kepada Allah SWT kerana telah berjaya memurnikan *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Edisi Ketiga 2012* dengan melakukan tambahbaik dan memasukkan beberapa unsur-unsur baharu sesuai dengan perkembangan semasa.

Diharapkan buku panduan ini boleh menjadi pedoman dan rujukan kepada para penyelidik yang terdiri daripada calon-calon ijazah tinggi APIUM. Buku panduan ini juga sesuai untuk dijadikan rujukan bagi penulisan kertas projek kepada pelajar di peringkat ijazah sarjana muda APIUM.

Pihak saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengemaskinian dan penerbitan Edisi Keempat ini, terutama sekali ahli jawatankuasa yang menghadiri Bengkel Semakan Panduan Penulisan Tesis/Disertasi di Hotel Eastin, Petaling Jaya, pada 28 hingga 29 September 2020 bersamaan dengan 10 hingga 11 Safar 1442H.

Sekian, wassalam.

PROFESOR MADYA DR. MOHD FAUZI BIN HAMAT

Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

1. TAHAP KERANGKA KELAYAKAN BERDASARKAN MQA

Pada dasarnya, para penyelidik perlu memahami tahap kerangka kelayakan Malaysia sebagaimana berikut:

1.1 Sarjana

Ijazah Sarjana memberi lanjutan terhadap pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dicapai pada tahap sarjana muda. Kemasukan ke program sarjana biasanya berasaskan kepada kemampuan yang terbukti untuk mengikuti pengajian pascasiswazah dalam bidang yang dipilih. Ijazah sarjana dianugerahkan kepada pelajar yang boleh:

- (i) menunjukkan pengetahuan dan kefahaman lanjutan atau tambahan daripada tahap sarjana muda dan membangun atau mengguna idea lazimnya dalam konteks penyelidikan;
- (ii) menggunakan pengetahuan dan kefahaman bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan bidang pengajian dalam situasi baru dan konteks multidisiplin;
- (iii) mengintegrasikan pengetahuan dan mengurus perkara kompleks;
- (iv) membuat penilaian dan keputusan dalam keadaan tanpa atau dengan maklumat terhad, mengambil kira tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan;
- (v) menyampaikan rumusan, pengetahuan dan rasionalnya kepada pakar dan bukan pakar dengan jelas; dan
- (vi) menguasai kemahiran belajar untuk terus maju dengan autonomi yang tinggi.

1.2 Kedoktoran

Ijazah Kedoktoran memberi pengukuhan terhadap pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dicapai pada tahap sarjana. Ia lazimnya memberikan graduan

kebolehan untuk menjalankan penyelidikan secara berdikari dan dianugerahkan kepada pelajar yang boleh:

- (i) menunjukkan kefahaman sistematik dan mendalam tentang satu disiplin pengajian serta penguasaan kemahiran dan kaedah penyelidikan berkaitan bidang tersebut;
- (ii) menunjukkan kebolehan menjana, mereka bentuk, melaksana dan mengubah suai sebahagian besar proses penyelidikan dengan keutuhan keserjanaan;
- (iii) menyumbang kepada penyelidikan asal yang melebarkan sempadan ilmu melalui disertasi mendalam yang telah dibentang dan dipertahankan mengikut standard antarabangsa termasuk penulisan dalam penerbitan berwasit antarabangsa;
- (iv) membuat analisis kritikal, penilaian dan sintesis idea baru dan kompleks;
- (v) berkomunikasi dengan rakan, komuniti sarjana dan masyarakat umum tentang bidang kepakaran; dan
- (vi) menggalakkan kemajuan teknologi, sosial dan kebudayaan dalam masyarakat berasaskan ilmu dalam konteks akademik dan professional.

2. PANDUAN ASAS PENYELIDIK

Panduan ini perlu diberi perhatian serius oleh penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan dengan jayanya di samping memudahkan tugas-tugas penyeliaan.

2.1. Penentuan Bidang Penyelidikan

Peringkat ini merupakan peringkat awal dalam sesuatu penyelidikan yang akan dijalankan. Setiap penyelidik sepatutnya telah mengenalpasti bidang penyelidikan yang wajar dilakukan. Faktor-faktor berikut perlu dipertimbangkan dalam memilih bidang atau tajuk penyelidikan.

2.1.1. Pengetahuan, kebolehan dan pengalaman sedia ada pada penyelidik dalam bidang yang hendak dikaji. Ini bagi

memastikan mereka boleh menguasai bidang penyelidikan, termasuk penguasaan bahasa utama rujukan bidang berkenaan.

2.1.2. Minat terhadap bidang yang dikaji. Ini bagi merangsang penyelidik untuk terus menyelidik dan mencari maklumat penyelidikan di samping memperluas dan memperkayakan lagi disiplin dalam bidang yang diminatinya.

2.1.3. Kewujudan lompong (*gaps*) atau ruang kosong berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu dalam bidang yang dipilih. Kelompangan ini hendaklah dinyatakan dalam rumusan kajian literatur yang dilakukan melibatkan kajian aspek teori dan lapangan.

2.1.4. Kemungkinan memperolehi maklumat atau data dalam bidang yang dipilih.

2.1.5. Kekangan / limitasi yang berkemungkinan akan mengganggu penyelidikan.

2.1.6. Jangka masa yang perlu diambil bagi mengumpul data dan menyiapkan penyelidikan.

2.1.7. Kemungkinan bidang yang dipilih menyumbang kepada perkembangan ilmu semasa, penyelesaian masalah yang timbul dalam masyarakat, penggubalan polisi dan dasar baharu pihak berkepentingan atau perkaitannya dengan pembangunan kerjaya penyelidik.

2.1.8. Kemampuan menyiapkan penyelidikan sesuai dengan peruntukan kewangan dan keupayaan penyelidik.

2.3. Penetapan Rancangan Penyelidikan dan Jadual Kerja

Satu jadual kerja dalam bentuk carta gantt hendaklah dirangka bagi menggambarkan gerak kerja penyelidikan. Contoh carta gantt adalah seperti berikut:

AKTIVITI / TAHUN	2020												2021												2022											
	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D		
Aktiviti Penyelidikan																																				
Penyediaan Proposal Kajian																																				
Pengumpulan Data																																				
Analisis data																																				
Perbincangan / pembentangan hasil kajian																																				
Penulisan laporan kertas kajian																																				
Semakan draf awal tesis/disertasi																																				
Penyerahan awal untuk pemeriksaan]																																				

2.4. Pelaksanaan Penyelidikan

2.4.1. Gerak kerja menyelidik tidak boleh dilaksanakan sehingga cadangan penyelidikan diluluskan dalam seminar *Proposal Defence* (PD) di peringkat Jabatan. Ini bagi memastikan penyelidikan berkenaan diluluskan oleh panel penilai PD yang dilantik oleh jabatan.

2.4.2. Sebarang perubahan penyelidikan selepas kelulusan PD hanya boleh dibuat setelah mendapat persetujuan penyelia.

2.4.3. Sepanjang gerak kerja penyelidikan dan penulisan tesis/disertasi dilaksanakan, penyelidik hendaklah mendapat persetujuan penyelia dalam menjalankan sebarang kegiatan seperti penerbitan artikel, pembentangan dalam seminar dan sebagainya.

2.4.4. Penyelidik perlu menyimpan semua data penyelidikan dan dokumen berkaitan penyelidikan yang diperoleh sebagai bukti.

2.5. Gaya Penulisan

Gaya penulisan mestilah mengikut *Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya* (edisi keempat). Ejaan, transliterasi, susunan ayat, penggunaan istilah dan sebagainya hendaklah tepat dan ilmiah.

2.6. Pertemuan dengan Penyelia

Pertemuan dengan penyelia hendaklah dibuat dari masa ke masa. Penyelia hendaklah berinteraksi dengan calon sekurang-kurangnya dua kali sebulan pada semester pertama dan sekali sebulan bagi semester seterusnya. Bagi perjumpaan kali pertama, penyelia dan calon hendaklah berbincang secara bersemuka, manakala perjumpaan seterusnya boleh dikendalikan secara tidak bersemuka seperti dalam talian. Penentuan jadual pertemuan secara berkala perlu dirangka berdasarkan persetujuan bersama. Penyelidik dikehendaki menyimpan rekod pertemuan.

2.7. Kelulusan Tajuk

Penyelidik Doktor Falsafah dan Sarjana yang telah menyempurnakan penulisan tesis/disertasi hendaklah memohon kelulusan tajuk selepas lulus dalam Seminar *Candidature Defence* (CD) sebelum penyerahan.

2.8. Penyerahan Tesis

Draf akhir tesis/disertasi hendaklah disahkan oleh penyelia sebelum penyerahan dilakukan.

2.10. Etika Penyelidikan

2.10.1. Plagiat

Plagiat ialah perbuatan mengambil idea, tulisan, data atau rekaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, tulisan, data atau rekaan tersebut adalah hasil ciptaan atau dapatannya sendiri; atau cuba menonjolkan idea, tulisan, data dan rekaan yang diambil dari sumber lain itu dengan cara yang boleh memberi gambaran bahawa dialah sumber atau pencipta asalnya. Plagiat berlaku apabila idea, tulisan, data atau rekaan orang lain diciplak tanpa menyatakan rujukan kepada karya atau penghargaan kepada penulis asal.

Penulisan ilmiah yang diserahkan untuk pemeriksaan mestilah merupakan karya asli penyelidik. Sebarang bentuk plagiat adalah dilarang sama sekali. Perbuatan ini melanggar adab dan tatasusila sebagai seorang ilmuwan Muslim yang seharusnya mempunyai integriti dan kredibiliti. Sila rujuk garis panduan mengenai plagiarisme yang digunapakai oleh Universiti.

2.10.2. Keperluan Mendapat Kelulusan Etika

Bagi penyelidikan lapangan, penyelidik bertanggungjawab memohon kelulusan etika daripada jawatankuasa berkaitan seperti University of Malaya Research Ethics Committee (UMREC) untuk memelihara etika dalam mengurus dan menjaga kerahsiaan data dan sumber.

3. SUSUNAN SESEBUAH TESIS/DISERTASI

Umumnya tesis/disertasi mengandungi tiga bahagian iaitu; (i) Awalan, (ii) Teks, (iii) Akhiran. Penyusunan bab adalah ditentukan mengikut jenis penyelidikan itu sendiri setelah mendapat nasihat dan persetujuan daripada penyelia.

3.1. Awalan

Bahagian ini mengandungi perkara berikut:

3.1.1. Kulit Hadapan

Halaman kulit hadapan hendaklah mengandungi; (i) tajuk yang diluluskan oleh Mesyuarat Fakulti (JKA), (ii) nama calon, (iii) nama fakulti, dan (iv) tahun penyerahan. Lihat lampiran 1(a).

3.1.2. Halaman Hadapan

Mengandungi maklumat yang sama dengan kulit hadapan.

3.1.3. Halaman Tajuk

Halaman tajuk hendaklah mengandungi; (i) tajuk yang diluluskan oleh Mesyuarat Fakulti (JKA), (ii) nama calon, (iii) tujuan penyerahan tesis/disertasi, (iv) nama fakulti/akademi, dan (v) tahun penyerahan. Lihat lampiran 1(b).

3.1.4. Perakuan Keaslian Penulisan

Halaman ini hendaklah mengandungi borang perakuan keaslian penulisan yang telah disediakan. (Sila rujuk laman sesawang APIUM/AASC)

3.1.5. Abstrak

Abstrak hendaklah ditulis dalam satu perenggan yang ditaip langkau dua mengandungi tajuk penyelidikan (huruf besar), pernyataan masalah, objektif, kepentingan, metode dan hasil

dapatan penyelidikan. Abstrak ditulis tidak melebihi 500 patah perkataan. Kata kunci hendaklah ditulis di bawah abstrak tidak melebihi lima (5) kata kunci dan diasingkan dengan tanda koma. Abstrak hendaklah bermula pada halaman nombor Roman "iii" dan halaman seterusnya hendaklah dinomborkan secara berturutan. (Sila rujuk contoh terlampir)

Abstrak hendaklah ditulis dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sekiranya bahasa tesis/disertasi adalah bahasa Arab, abstrak bahasa Arab hendaklah juga disediakan.

Berikut adalah susunan bahasa abstrak:

- Bagi tesis/disertasi dalam bahasa Malaysia, abstrak hendaklah dalam bahasa Malaysia dan diikuti dengan abstrak dalam bahasa Inggeris
- Bagi tesis/disertasi dalam bahasa Inggeris, abstrak hendaklah dalam bahasa Inggeris dan diikuti dengan abstrak dalam bahasa Malaysia
- Bagi tesis/disertasi dalam bahasa Arab, abstrak hendaklah dalam bahasa Arab dan diikuti dengan abstrak dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris

3.1.6. Penghargaan

Penyelidik hendaklah merakamkan penghargaan ringkas kepada penyelia dan pihak-pihak yang menyumbang **secara langsung** atau tidak langsung kepada penyelidikan calon. Maklumat lengkap penyelidik iaitu nama penuh, nombor matrik, alamat tetap dan alamat e-mel hendaklah dinyatakan di akhir bahagian.

3.1.7. Isi Kandungan

Isi kandungan menyenaraikan tajuk bab, topik dan sub-topik berserta dengan nombor halamannya. Topik dan sub-topik hendaklah dilabelkan mengikut turutan bab. Contohnya;

BAB 1: TAJUK (PENDAHULUAN)

1.1. Topik 1

1.1.1. Sub-topik 1

BAB 2: TAJUK

2.1. Topik 2

2.1.1. Sub-topik 2

Sistem penomboran ini dapat memberikan gambaran tentang tajuk besar dan tajuk kecil serta perkaitan antaranya.

3.1.8. Senarai Rajah

Dalam bahagian ini penyelidik hendaklah menyenaraikan rajah, gambar, graf, ilustrasi, bagan, lakaran, pelan, peta, carta berserta dengan nombor halamannya. Rajah hendaklah dilabelkan mengikut turutannya dalam bab. Contohnya; Rajah dalam Bab 2 hendaklah dinomborkan Rajah 2.1, Rajah 2.2, Rajah 2.3 dan seterusnya.

3.1.9. Senarai Jadual

Dalam bahagian ini penyelidik menyenaraikan jadual berserta dengan nombor halamannya. Jadual hendaklah dilabelkan mengikut turutannya dalam bab. Contohnya; Jadual dalam Bab 3 hendaklah dinomborkan Jadual 3.1, Jadual 3.2, Jadual 3.3 dan seterusnya.

3.1.10. Senarai Tambahan Bukan Teks

Senarai tambahan bukan teks termasuk simbol, tatanama, glosari dan sebagainya hendaklah disenaraikan seperti berikut:

- a. Panduan transliterasi.
- b. Senarai kependekan.
- c. Senarai lampiran.
- c. Senarai statut – Senarai ini hendaklah mengikut susunan abjad dan mempunyai muka surat.
- d. Senarai kes – Senarai ini hendaklah mengikut susunan abjad dan mempunyai muka surat.

3.2. Teks

Akademi Pengajian Islam menetapkan format umum untuk penstrukturan penulisan teks. Lazimnya, teks mengandungi pendahuluan, metodologi dan sumber data, perbincangan penyelidikan dan rumusan dan cadangan.

3.3. Akhiran

Bahagian ini mengandungi bibliografi dan lampiran (jika perlu).

4. Format Kertas Cadangan Penyelidikan

Kertas cadangan penyelidikan yang dimaksudkan di sini bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pihak berkenaan dalam menerima cadangan penyelidikan. Penilaian terhadap cadangan penyelidikan melibatkan elemen-elemen yang akan dinyatakan seterusnya.

Penyelidik hendaklah mengemukakan kertas cadangan penyelidikan dalam bentuk yang kemas. Kertas cadangan juga akan dijadikan asas pertimbangan panel dalam seminar *Proposal Defence (PD)*, *Confirmation Defence* (bagi calon *Fast Track (Accelerated Admission)*). Kertas cadangan penyelidikan hendaklah menjelaskan elemen-elemen berikut:

4.1 Bidang Penyelidikan

Menjelaskan bidang bagi kajian yang akan dilaksanakan seperti *Teaching and Training, Religion, Social and Behavioural Science, Political Science and Civics, Economic, Wholesale and Retail Sales, Marketing and Advertising, Finance, Banking, Insurance, Accounting and Taxation, Management and Administration, Syariah Law, Biology and Biochemistry, Environmental Science, Physics, Chemistry, Earth Science, Mathematics, Computer Science, Applied Science and Health*. Bidang-bidang tersebut merujuk kepada bidang yang tersenarai mengikut *National Educational Code (NEC)* oleh KPT Pengkhususan kepada bidang-bidang yang dinyatakan boleh dirujuk di Lampiran A.

4.2 Tajuk

Pernyataan tajuk hendaklah mampu menjelaskan persoalan pokok dan fokus kajian. Pemilihan perkataan dan susunan ungkapan dalam tajuk hendaklah ringkas dan padat sesuai dengan judul sebuah penyelidikan ilmiah dan serta standard asas kompetensi.

4.3 Latar Belakang Penyelidikan

Membincangkan latar belakang dan situasi timbulnya masalah yang akan dikaji. Keberkesanan persembahan latar belakang masalah ini boleh dinilai pada kemampuan penyelidik

memperlihatkan hakikat sebenar masalah dan betapa ia penting untuk diteliti dan didalami.

4.4 Pernyataan Masalah Penyelidikan

Pada bahagian ini penyelidik hendaklah menjelaskan masalah sebenar yang akan dikaji berdasarkan latar belakang masalah yang telah dinyatakan. Ia boleh dinyatakan dalam bentuk pernyataan masalah atau dalam bentuk soalan kajian. Pernyataan masalah yang dikemukakan hendaklah bersandarkan sumber yang berautoriti.

4.5 Soalan Kajian

Soalan kajian hendaklah dibentuk berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan.

4.6 Hipotesis Penyelidikan (jika berkenaan)

Hipotesis ialah andaian awalan tentang hubungan antara unsur-unsur yang dikaji, atau tentang cara penyelesaian bagi sesuatu masalah. Hipotesis penyelidikan amat diperlukan bagi kajian berbentuk kuantitatif.

4.7 Objektif Penyelidikan

Penyelidik hendaklah menyatakan objektif kajian dijalankan dan objektif yang diharap akan dapat dicapai pada akhir kajian. Pernyataan objektif hendaklah jelas, rasional, serta selaras dengan persoalan kajian yang dikemukakan. Objektif hendaklah suatu yang mampu dicapai dan pencapaiannya itu sewajarnya boleh dibuktikan. Bagi kajian peringkat pascasiswazah, salah satu objektif kajian hendaklah mencapai aras taksonomi sekurang-kurangnya pada tahap 4 (menganalisis), 5 (menilai) dan 6 (mencipta).

4.8 Skop Kajian

Skop kajian bermaksud ruang lingkup penyelidikan yang ingin dicapai. Skop kajian boleh dijelaskan dengan pemboleh ubah kajian (jika berkenaan).

4.9 Batasan Penyelidikan

Batasan bermaksud sekatan di luar kemampuan penyelidik yang menghalang pencapaian ruang lingkup tersebut. Aspek

yang terlibat merangkumi masa, tempat, sasaran penyelidikan dan sebagainya. Penjelasan ini penting bagi memastikan penilai dapat memahami sempadan penyelidikan berkenaan.

4.10 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidik hendaklah menjelaskan kepentingan dan sumbangan penyelidikan yang dilaksanakan terhadap bidang yang dikaji. Kepentingan hendaklah dihuraikan terutama dari sudut manfaat teoretikal antaranya; (i) apakah ia memantapkan penjelasan tentang sesuatu hukum; (ii) memperkemaskan sesuatu kaedah; (iii) membetulkan sesuatu fahaman? Seterusnya kepentingan dan sumbangan langsung dan praktikal daripada penyelidikan terhadap institusi, organisasi, pembuat dasar dan pihak-pihak berkepentingan perlu dinyatakan secara khusus. Kepentingan penyelidikan juga termasuk penghasilan sesuatu edisi kritikal teks-teks penting dalam bidang serta terjemahannya. Huraian hendaklah ditulis dalam bentuk pernyataan yang jelas.

4.11 Definisi Tajuk

Bahagian ini menjelaskan konsep dan terminologi utama yang terdapat dalam tajuk yang dicadangkan. Penyelidik perlu mengemukakan definisi yang bersifat operasional (*operational definition*) yang akan digunakan dalam kajiannya.

4.12 Kerangka atau Landasan Penyelidikan

Kerangka ini boleh diasaskan atas mana-mana konsep yang ada dalam Islam, atau teori semasa yang ada, atau dibentuk sendiri berasaskan kajian-kajian terdahulu. Kerangka penyelidikan ini akan menjadi garis panduan kepada penyelidikan yang akan dilaksanakan.

4.13 Kajian Literatur

Kajian literatur adalah ulasan yang mengaitkan hasil penyelidikan lepas yang memberi jawapan kepada masalah yang akan dikaji terutama untuk menjelaskan kedudukan serta keaslian penyelidikan semasa dan kaitannya dengan khazanah ilmu sedia ada.

Penyelidikan lepas ini perlu merangkumi penyelidikan yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara dalam pelbagai bahasa. Ia perlu merangkumi laporan penyelidikan ilmiah, tesis, disertasi, makalah jurnal dan sebagainya. Ulasan perlu menumpukan kepada aspek kelompangan ilmiah antara penyelidikan lepas dengan kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik. Penyelidik perlu juga menyatakan persamaan dan perbezaan, kekuatan dan kelemahan serta aspek-aspek lain yang menunjukkan perlunya kajian itu dijalankan.

4.14 Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kajian untuk mengumpul dan menganalisis data boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu kualitatif, kuantitatif atau campuran (*Mixed Method*). Penyelidik hendaklah menentukan reka bentuk kajiannya sesuai dengan kajian yang akan dijalankan.

4.15 Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidik hendaklah menjelaskan kaedah pengumpulan data yang dijalankan dan aplikasinya dalam pencapaian objektif kajian. Bagi penyelidik yang menggunakan penyelidikan kepustakaan sepenuhnya, sumber data atau maklumat seperti kitab, dokumen, karya, manuskrip dan akta hendaklah dijelaskan. Bagi penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data lapangan, penyelidik hendaklah memberi penjelasan yang teliti dan meyakinkan tentang kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data seperti temubual, observasi, soal selidik dan eksperimen.

4.16 Kaedah Analisis Data

Penyelidik perlu menjelaskan perancangannya tentang cara mengolah data yang akan dikumpulkan untuk menjawab masalah dan mencapai objektif penyelidikan. Kaedah analisis data perlu disesuaikan dengan rekabentuk dan pendekatan kajian yang dipilih (rujuk 4.14).

4.17 Bibliografi

Penyelidik perlu menyenaraikan senarai rujukan yang telah dirujuk untuk menyediakan kertas cadangan penyelidikan. Senarai ini hendaklah mampu meyakinkan penilai bahawa

rujukan yang sewajarnya telah dibuat. Secara umumnya senarai rujukan perlu mengambil kira rujukan primer dan sekunder yang terkini, pelbagai dan mencakupi bidang kajian.

5. STRUKTUR SUSUNAN BAHAGIAN TEKS

Penyusunan ini boleh menggunakan Bentuk 1 atau Bentuk 2 berikut sebagai panduan asas. **Pendahuluan** hendaklah dijadikan sebagai Bab 1.

5.1 BENTUK 1

Bab 1: Pendahuluan

Berfungsi sebagai pengantar kepada penyelidikan berkenaan. Secara umumnya ia bertujuan memperkenalkan latar belakang penyelidikan. Lazimnya ia merupakan pengemaskinian terhadap kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan. Pengemaskinian ini mengubah kertas cadangan tersebut kepada bentuk laporan gerak kerja penyelidikan yang telah dilaksanakan.

Bab 2: Menjelaskan kerangka atau landasan teori yang menjadi asas kepada penyelidikan yang dijalankan.

Bab 3 dan Bab 4: Mengandungi perbincangan penyelidikan, analisis data dan hasil dapatan penyelidikan.

Bab 5: Penutup

Mengandungi rumusan dan cadangan bagi penyelidikan tersebut. Bahagian ini boleh dijadikan satu bab tersendiri yang mengandungi unsur-unsur berikut:

5.1. Rumusan

Merumuskan penemuan hasil penyelidikan.

5.2. Implikasi Kajian

Tafsiran daripada rumusan yang dibuat.

5.3. Cadangan

Saranan bagi menyelesaikan masalah yang dikaji berdasarkan rumusan dan tafsiran di atas. Ia boleh juga dikemukakan dalam bentuk cadangan penyelidikan lanjutan untuk penyidik lain.

5.2 BENTUK 2

Bab 1: Pendahuluan

Merangkumi kesemua elemen di atas, kecuali metode penyelidikan.

Bab 2: Kajian Literatur

Mengandungi kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan serta penjelasan Kerangka atau Landasan Teori Penyelidikan dan Kajian Literatur

Bab 3: Metodologi

Menerangkan secara jelas metode penyelidikan, reka bentuk, populasi dan sampel yang digunakan.

Bab 4: Dapatan Kajian

Merupakan hasil analisis dan dapatan kajian yang telah dijalankan.

Bab 5: Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan

Mengandungi perbincangan tentang dapatan, rumusan dan cadangan bagi penyelidikan tersebut. Bahagian ini boleh dijadikan satu bab tersendiri yang mengandungi unsur-unsur berikut:

5.1. Rumusan

Merumuskan penemuan hasil penyelidikan.

5.2. Implikasi Kajian

Tafsiran daripada rumusan yang dibuat.

5.3. Cadangan

Saranan bagi menyelesaikan masalah yang dikaji berdasarkan rumusan dan tafsiran di atas. Ia boleh juga dikemukakan dalam bentuk cadangan penyelidikan lanjutan untuk penyelidik lain.

Perhatian: Bilangan bab bagi kedua-dua bentuk bergantung kepada sifat kajian yang dilaksanakan.

6. FORMAT PENULISAN ILMIAH

6.1. Penaipan

6.1.1 Penyediaan Dokumen

Penulisan ilmiah hendaklah disediakan menggunakan perisian komputer Microsoft Word atau yang seumpamanya.

6.1.2. Jenis Tulisan

Penulisan ilmiah hendaklah menggunakan *font* Times New Roman versi 6.0 ke atas untuk aksara Roman bersaiz 12; *Latex* atau *Equation Editor* untuk teks matematik; dan Traditional Arabic untuk aksara Arab atau Jawi bersaiz 16. *Font Script* tidak dibenarkan.

Tajuk bab ditaip menggunakan huruf besar dan dibuat secara penjarangan berpusat di antara birai kiri dan kanan (*centered between left and right margin*).

6.1.3. Jarak Baris

Langkau dua baris bagi aksara Roman, manakala 1.5 bagi aksara Arab atau Jawi hendaklah digunakan untuk bahagian teks utama. Langkau satu baris pula hendaklah digunakan semasa membuat jadual, petikan dan nota kaki bagi aksara Roman, Arab atau Jawi.

6.1.4. Struktur Perenggan

Perenggan tidak perlu dijajarkan sama ada dengan menambah ruang jarak secara automatik atau dengan menekan kekunci *Enter*. Perenggan terawal dan terakhir dalam sesuatu halaman hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris ayat. Sekiranya tidak, perenggan hendaklah dimulakan di halaman berikutnya.

6.2. Birai Yang Ditetapkan

Birai yang ditetapkan bagi teks utama, jadual, rajah dan keterangannya hendaklah mengikut format seperti yang berikut:

Birai atas: 2.0 sm atau 0.79 inci

Birai kanan: 2.0 sm atau 0.79 inci

Birai kiri: 4.0 sm atau 1.57 inci

Birai bawah: 2.0 sm atau 0.79 inci

6.3. Penomboran Halaman

Semua nombor halaman teks bersaiz 10 dimasukkan tanpa tanda bacaan atau kurungan. Nombor halaman dicetak di sebelah kanan 1.0 sm dari bawah.

Nombor halaman bahagian awalan hendaklah menggunakan nombor kecil Roman secara berturutan (i, ii, iii dan seterusnya). Halaman tajuk dianggap sebagai halaman "i" tetapi nombor "i" tidak dimasukkan. Nombor halaman bermula selepas halaman tajuk yang disambung terus dengan nombor Roman "ii".

Nombor kepada halaman teks dan bibliografi hendaklah menggunakan nombor Arab (*Arabic numerals*) berturutan (1, 2, 3, dan seterusnya), bermula dengan 1 pada halaman pertama bahagian teks. Bagi tesis/disertasi yang ditulis dalam bahasa Arab, penyelidik hendaklah menggunakan nombor Hindi secara berturutan (०, १, २, ३, ४, ५, ६, ७, ८, ९)

6.4. Jumlah perkataan yang dibenarkan

6.4.1. Tesis Doktor Falsafah – Tidak melebihi 100,000 patah perkataan. Minimum patah perkataan adalah 60,000

6.4.2. Disertasi (Mod penyelidikan) – Tidak melebihi 60,000 patah perkataan. Minimum patah perkataan adalah 40,000

6.4.3. Disertasi (Mod campuran) – Tidak melebihi 40,000 patah perkataan. Minimum patah perkataan adalah 20,000

6.4.4. Laporan Projek - Tidak melebihi 30,000 patah perkataan. Minimum patah perkataan adalah 15,000

(Tidak termasuk nota kaki, bibliografi, rujukan, lampiran, jadual dan rajah).

Penyelidik yang hendak menulis melebihi had yang ditetapkan di atas hendaklah memohon kebenaran daripada Fakulti/Akademi dengan mengemukakan alasan yang munasabah.

6.5. Kertas

Penyelidik hendaklah menggunakan kertas putih saiz A4 (21.0 x 29.7 sm; 80 gsm), dan dicetak hanya pada sebelah halaman sahaja.

6.6. Nota Rujukan

6.6.1. Tujuan

- a. Menjelaskan sumber data yang telah digunakan.
- b. Membolehkan pembaca merujuk kepada mana-mana bahagian dalam tulisan itu sendiri, sama ada sebelum atau selepas.
- c. Memberi penjelasan lanjut yang dikira tidak wajar dibuat dalam teks utama.
- d. Menjelaskan pandangan yang berbeza daripada sumber tertentu bagi membolehkan pembaca membuat perbandingan.
- e. Memberi penghargaan kepada sumber yang digunakan.
- f. Memperkukuhkan kewibawaan penulisan penyelidikan.

6.6.2. Gaya Nota Rujukan

Penulisan nota rujukan hendaklah menggunakan sama ada nota kaki atau nota dalam teks atau nota hujung.

Nota kaki hendaklah ditaip dengan *font* Times New Roman, bersaiz 10, langkau satu baris, dan berada dalam halaman yang sama dengan teks utama. Pernomboran nota kaki hendaklah mengikut bab. Setiap bab bermula dengan nombor 1.

Nota dalam teks hendaklah menggunakan sistem pengarang-tarikh yang mesti disertakan dengan halaman seperti contoh berikut: (Asmak, 2020, 15) atau (al-Nawawi, 1985, 2/120) atau (Esposito et al., 2019, 15).

6.6.3. Rujukan kepada Buku

a. Pengarang

Struktur asas gaya nota kaki adalah seperti berikut: Nama Penuh Pengarang, *Tajuk Buku: Keterangan Lanjutan* (Tempat: Penerbit, Tahun), halaman. Contohnya (perhatikan bahawa sebelum nombor halaman tiada aksara “h” atau “hlm”):

1. Faizuri Abd Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal Berdasarkan Kitab Aqidah al-Najin* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020), 57.

Bagi buku yang tidak diketahui penulisnya hendaklah ditulis kalimah “Penulis tidak diketahui”. Manakala bagi buku yang diragui penulis sebenar hendaklah ditulis nama penulis dalam kurungan []. Contohnya:

2. [Muḥy al-Dīn Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Arabī], *Tafsīr Ibn ‘Arabī*, ed. ‘Abd al-Wāriṭh Muḥammad ‘Alī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2010), 1:57.

Buku yang mempunyai dua atau tiga pengarang ditulis seperti berikut:

3. Ahmad Yumni Abu Bakar & Che Zarrina Saari, *Islam Liberal: Kajian Terhadap Sumber Epistemologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019), 23.

Buku yang mempunyai empat pengarang atau lebih ditulis seperti berikut (perhatikan bahawa et al. ditulis dengan hanya satu titik dan tanpa diitalik):

4. Ishak Suliaman et al., *Autoriti Hadis Menangani Gerakan Antihadis* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 2.

b. Editor

Bagi buku yang diedit nama editor ditulis pada tempat pengarang seperti berikut:

5. Nor Raudah Siren, Yusmini Md Yussof dan Mahmudah Nawawi, peny., *Teori-teori Komunikasi* (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2006), 12.

c. Terjemahan

Bagi buku terjemahan atau transkripsi, nama penterjemah atau pentranskrip ditulis selepas tajuk buku seperti berikut (perhatikan nama pengarang hendaklah berdasarkan ejaan dalam buku terjemahan):

6. Abū Ḥāmid al-Ghazzālī, *A Return to Purity in Creed: Iljām al-‘Awām ‘an ‘Ilm al-Kalām*, terj. ‘Abdullāh bin Ḥamīd ‘Alī (Philadelphia: Lamp Post Productions, 2008), 23-4.

7. Daud bin Abdullah al-Fathani, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, trans. Noraine Abu dan Mashadi Masyuti (Batu Caves: al-Hidayah, 2011), 195.

d. Edisi dan Cetakan

Buku yang diterbitkan semula dalam edisi atau cetakan baru ditulis seperti berikut:

8. University of Chicago Press, *The Chicago Manual of Style*, ed. ke-16 (Chicago: University of Chicago Press, 2010), 701.
9. George Jacob Holyoake, *Principles of Secularism: Illustrated*, ed. ke-3 rev. (London: Book Store, Austin & Co., 1871), 11.

Cetakan baru tanpa perubahan halaman tidak perlu dinyatakan. Namun, jika ingin dinyatakan juga boleh ditulis seperti berikut:

10. Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Khaṭīb al-Tibrīzī, *Mishkāṭ al-Maṣābīḥ*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1961; cet. ke-2, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, 1979), 1:63.

e. Tempat, Tarikh dan Penerbit

Buku yang tidak mempunyai maklumat tempat, tarikh dan penerbit ditulis “t.tp.” iaitu tanpa tempat, “t.p.” iaitu tanpa penerbit atau “t.t.” iaitu tanpa tarikh pada tempat masing-masing seperti berikut:

11. Abū Hāmid Muhammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Sha’b, t.t.), 1:8.
12. Abū Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-Qādir Shaybah al-Ḥamad (Riyadh: t.p., 2001), 35.

f. Jilid dan Halaman

Buku yang berjilid ditulis seperti berikut:

13. Muṣṭafā Zayd, *al-Naskh fī al-Qur’ān al-Karīm: Dirāsah Tashrī’iyyah Tārīkhiyyah Naqdiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1963), 1:50.

14. Muḥy al-Dīn Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Arabī, *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*, ed. Maktab al-Buḥūth wa al-Dirāsāt (Beirut: Dār al-Fikr, 2007), 5:295.

Buku yang dijilid bersama buku lain dalam satu koleksi buku ditulis seperti berikut:

15. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 72.

16. Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, “Fayṣal al-Tafriqah,” dalam *Majmū‘at Rasā’il al-Imām al-Ghazālī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006), 3:93.

Rujukan kepada maklumat yang lebih terperinci selain halaman ditulis seperti berikut:

17. Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 1168 (Kitāb Ṣifāt al-Munāfiqīn, Bāb Lan Yadkhul Aḥad al-Jannah bi ‘Amalih bal bi Raḥmat Allāh Ta‘ālā, no. hadith 7111).

18. Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton Cowan, ed. ke-3 (New York: Spoken Language Services, 1976), 47, entri “*badā*.”

g. Hasyiah

19. Muḥammad Bakhīt al-Muṭī‘ī, “Sullam al-Wuṣūl li Sharḥ Nihāyat al-Sūl,” dicetak bersama Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥīm bin al-Ḥasan al-Asnawī, *Nihāyat al-Sūl fī Sharḥ Minhāj al-Usūl* (Kaherah: Maṭba‘at Muḥammad ‘Alī Subayḥ wa Awlādih, t.t.), 1:21.

6.6.4. Rujukan kepada Makalah

a. Makalah Jurnal

Struktur asas gaya nota rujukan kepada makalah jurnal adalah seperti berikut: Nama Penuh Pengarang, “Tajuk Makalah:

Keterangan Lanjutan,” *Tajuk Jurnal* jilid, no. bilangan (tahun), halaman. Contohnya:

20. Mohd Aizam Mas'od dan Mohd Fauzi Hamat, "Pemikiran Skeptikal Syiah terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah dalam Karya-karya Syiah Melayu: Satu Kritikan", *Jurnal AFKAR* 21.1 (2019), 1-52.
21. Joni Tamkin Borhan, "Polisi Kewangan menurut Perspektif Ekonomi Islam," *Jurnal Syariah* 10.1 (2002), 73.
22. Yusmini Md Yusoff dan Azura Awang, "Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran," [Keluaran Khas]. *Jurnal Usuluddin* 47 (2019), 105-118.

b. Makalah atau Bab dalam Buku

23. Abdul Karim Ali, "Perkembangan Fiqh dan Usul di Empayar Uthmaniyyah," dalam *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah: Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintah Islam Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Mohamad Zamri Mohamed Shapik (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2011), 139.
24. Luqman Haji Abdullah dan Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. "Pemikiran Dr Said Ramadhan al-Buti Mengenai Manhaj Hukum: Analisa Terhadap Buku al-Salafiyyah". dalam *Pemikiran Hukum Islam Semasa: Aliran, Kritikan dan Aplikasi*, ed. Ridhwan Ahmad. (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM, 2016), 15-17.
25. Khadher Ahmad, "Praktikal Ruqyah dalam Rawatan Penyakit Menurut Fiqh Imam al-Bukhari," dalam *Dinamika Pengajian al-Quran dan Hadis*, ed. Monika@ Munirah Abd Razzak dan Khadher Ahmad (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018), 177.
26. Md. Faruk Abdullah, M. Kabir Hassan & Asmak Ab Rahman, "Prospects for Islamic Derivatives in Bangladesh," in *Islamic Corporate Finance*, M. Kabir Hassan, Mamunur Rashid, Sirajo Aliyu (London: Routledge, 2019), 171-187.

c. Rujukan Kamus dan Makalah Ensiklopedia

27. *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 399, entri “erat.”
28. As‘ad AbuKhalil, “Islah,” dalam *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, ed. John L. Esposito (Oxford: Oxford University Press, 1995), 2:242-3.

6.6.5. Rujukan kepada Bahan yang Tidak Diterbitkan

a. Rujukan kepada tesis, disertasi, laporan, prosiding seminar dan latihan ilmiah yang tidak diterbitkan ditulis seperti berikut: Nama Pengarang, “Tajuk Penulisan” (jenis bahan, Organisasi, Tempat, Tarikh), halaman. Contohnya (perhatikan bahawa tiada koma di akhir tajuk):

29. Wan Adli, “A Traditionalist Theological Evaluation of Muslim Liberal Interpretation of the Qur’an on the Subject of ‘Religious Pluralism’” (tesis kedoktoran, University of Wales, Lampeter, 2011), 177.
30. Mohamad Imran Halimi, “Syed Muhammad Naquib al-Attas and the Continuation of the Sufi Tradition” (disertasi Sarjana Usuluddin (Akidah dan Pemikiran Islam), Universiti Malaya, 2020), 104.
31. Khadher Ahmad dan Rushdi Ramli, “Hukum Semasa dalam Rawatan Islam: Isu terhadap Pengamalan Kaedah “Scanning” dalam Rawatan Penyakit Gangguan Makhhluk Halus” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa VII (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011), 17.

6.6.6. Rujukan kepada Temubual

- a. Rujukan kepada temubual hendaklah ditulis seperti berikut:
32. Raihanah binti Haji Abdullah (Profesor, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 2 Februari 2020.

Dalam rujukan ini, nyatakan nama informan berkenaan sekiranya mendapat persetujuan, diikuti dengan penunjuk

autoritinya seperti gelaran dan jawatan. Tarikh temubual perlu dinyatakan kerana pendapat atau maklumat seseorang mungkin berbeza dalam tempoh yang berlainan. Keterangan terperinci mengenai informan hendaklah dinyatakan dalam bibliografi sekiranya ada.

6.6.7. Rujukan kepada Laman Sesawang

Rujukan kepada laman sesawang hendaklah dinyatakan nama laman sesawang berkenaan, tarikh kemaskini, tarikh akses dan alamat url. Tarikh semakan boleh menggantikan tarikh akses asal. Penjelasan tentang tarikh perlu dibuat kerana sesuatu laman sesawang sentiasa dikemaskini atau disemak oleh pemiliknya. Laman yang dirujuki hendaklah yang rasmi. Rujukan hendaklah ditulis seperti berikut:

33. Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Wahabi Tidak Mampu Mendepani Postmodernism," laman sesawang *Youtube Akarimomar*, diakses 23 Julai 2012, <http://www.youtube.com/watch?v=KV3pdiACr4E>.
34. "Abu Hamid al-Ghazali," dikemaskini 2 Januari 2012, diakses 10 Julai 2012, <http://www.ghazali.org>.
35. "Ishak Suliaman," Hikmah Ibadat Puasa Ramadan Semasa PKP | Dr. Ishak Suliaman, <https://www.facebook.com/ishak.suliaman/videos/1667910096681612/?extid=PxDHYSVz8DeHsuKF&d=w>

4.6.8. Senarai Kes

36. Eeswari Visuualingam v Government of Malaysia [1990] 1 MLJ86.
37. Faridah bte Dato Talib v. Mohamed Habibullah bin Mahmood [1990] 1 MLJ 174.
38. Public Prosecutor v White (1940) MLJ 214.
39. Shaik Abdul Latif & Ors v Shaik Elias Bux (1915) 1 FMSLR 204.
40. Ketua Pendakwa Syarie lawan Ahmad bin Rashid dan seorang lain (1994) 10 JH 113.
41. Siti Aishah dan Abdul Gafar (1995) 10 JH 27.
42. Zaimas, Ex-parte (1995) 10 JH 204.

Kes asal yang dilapor dalam bahasa Inggeris hendaklah dikekalkan *vs* atau *versus* sama ada kes mal atau jenayah. Sebutan *vs* dalam kes sivil mempunyai maksud “antara ... dengan ...”. Sementara dalam kes jenayah bermaksud “lawan”.

6.6.9. Senarai Statut

43. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, 1993).
44. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1997, (Akta No. 559, 1997).
45. Kanun Keseksaan (Akta 574).
46. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984 (No. 4/1984).
47. Enakmen Keluarga Undang-undang Kedah 1979 (Bil. 1/1984).

6.6.10. Rujukan Majalah dan Akhbar

a. Makalah dalam Majalah

48. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Murtad Jenayah Akidah," *Dewan Tamadun Islam*, Julai 2019, 4-8.

b. Makalah dalam Akhbar

49. Mohd Anuar Ramli, "Jangan Ambil Mudah Status Halal Produk Makanan," *Berita Harian Online*, 18 September 2020.

c. Berita

50. "Logging Carried Out According to Rules, Assures Kedah MB," *The Star*, 19 Julai 2012, 8.

6.6.11. Rujukan kepada Cakera Digital

51. "Thrill Zone: the Tornado Hunters," National Geographic, 1998, video.

6.6.12. Rujukan kepada Manuskrip

a. Surat

52. MU/5706/6: J.F. Edwards to Deputy Chief Secretary. 6 Mei 1947.

53. Kel.Pm.68/1917: Surat Yang Dipertua Majlis Agama Islam kepada Sultan Muhammad, 23 April 1917.
54. CO273/104: Weld to Kimberly, memo, 21 Oktober 1880, par. 4.
55. CO273/91: Anson to Carnovan, 19 April 1877.
56. UMNO/SEL/52/51: Zulkifli bin Mohd Hashim kepada Tuan Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Lumpur 15 Disember 1951.

b. Manuskrip

Rujukan manuskrip perlu menyebut katalog yang berkenaan dan tidak cukup dengan sekadar kod sahaja. Rujukan tentang katalog perlu terperinci seperti rujukan buku atau buku suntingan.

57. Ibn Malkā Abū Barakāt al-Baghdādī, *Kitāb Ṣaḥīḥ Adillat al-Naql fī Māhiyyat al-‘Aql*, no. 882/1 (folio1-17), Leipzig, dalam K. Vollers, *Katalog der Islamischen, Christlich-orientalischen, Jüdischen und Samaritanischen Handschriften* (Leipzig: Biblio Verlag, 1975).
58. ‘Abd al-Rauf al-Singkilī, *Mir’at al-Ṭullāb*, MS Melayu-Jawi PDIA no. reg. 0007 (folio 1), Aceh, Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh.

4.6.13. Pengulangan Rujukan dan Penggunaan Singkatan *ibid.* dalam Nota Kaki

Pengulangan rujukan yang telah ditulis hendaklah diringkaskan seperti di bawah. Singkatan *ibid.* hendaklah digunakan jika berlaku pengulangan rujukan secara berturut-turut. Contohnya:

59. Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, "Al-Ṣalāh wa al-Aṣlah `ind al-Mu`tazilah wa al-Māturīdiyyah: Dirāsah Muqāranah bayn al-Zamakhsharī fī al-Kashshāf wa al-Nasafi fī Madārik al-Tanzīl," *Jurnal AFKAR* 21.2 (2019), 259.
60. Ishak bin Suliaman et al., *Autoriti Hadis Menangani Gerakan Antihadis* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 2.
61. *Ibid.*
62. Ahmad Yumni Abu Bakar & Che Zarrina Saari, *Islam Liberal: Kajian Terhadap Sumber Epistemologi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019), 54.

63. Abdul Karim Ali, "Perkembangan Fiqh dan Usul di Empayar Uthmaniyyah," dalam *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah: Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintah Islam Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Mohamad Zamri Mohamed Shapik (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2011), 139.
64. Ahmad Yumni & Che Zarrina, *Islam Liberal*, 23.
65. Ishak, *Autoriti Hadis*, 2.
66. Abdul Karim, "Perkembangan Fiqh," 140.
67. Syed Mohammad Hilmi, "Al-Ṣalāh wa al-Aṣlah," 260.
68. *Ibid.*, 141.
69. Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, "Fayṣal al-Tafriqah," dalam *Majmū'at Rasā'il al-Imām al-Ghazālī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006), 3:93.
70. Mat Daud, H. & Yussuf, A., "Social Learning Following Islamic Perspectives for Students' Morale and Personality," *International Journal of Psychosocial Rehabilitation* 24.6, 7810-7821.).
71. Kanun Keseksaan (Akta 574)
72. Al-Ghazālī, "Fayṣal al-Tafriqah," 3:93.
73. *Ibid.*, 3:94.
74. Abdul Karim, "Perkembangan Fiqh," 144.

6.7. Petikan

Petikan ialah salinan lengkap daripada sumber yang digunakan. Bahasa dan ejaan asal dikekalkan walaupun ada kesilapan. Sesuatu petikan dibuat apabila:

- 6.7.1. Ungkapan asal lebih jelas dan tepat.
- 6.7.2. Huraian semula boleh menyimpang dari maksud asal.
- 6.7.3. Membuktikan bahawa kenyataan itu memang telah dibuat.

Sesuatu petikan yang kurang dari lima baris hendaklah dijadikan sebagai sebahagian dari perenggan penulis sendiri. Jika lebih dari lima baris petikan tersebut hendaklah dijadikan perenggan asing. Perenggan tersebut hendaklah dianjakkan 1.5 sm ke dalam dari kiri dan kanan perenggan utama, serta langkau satu baris sahaja. Jenis dan saiz *font* tidak perlu dibezakan dengan teks utama atau diitalik.

Sekiranya petikan asal panjang dan tidak semuanya berkaitan, bahagian yang tidak diperlukan itu boleh diabaikan dengan diganti oleh tiga titik seperti Sekiranya sesuatu perkataan atau frasa dalam petikan itu memerlukan penjelasan segera, gunakan kurungan bersegi [] untuk memuatkan penjelasan itu. Penjelasan ini diletakkan selepas perkataan atau frasa berkenaan.

Sekiranya dalam petikan asal terdapat kesilapan, kekeliruan atau kecacatan, singkatan seperti (*sic.*) hendaklah digunakan. Penggunaan singkatan ini menjelaskan kepada pembaca bahawa penulis sedar terdapatnya ketidaksempurnaan pada petikan berkenaan.

6.8. Cara Penulisan Teks al-Qur'an dan al-Hadith

Petikan teks al-Qur'an hendaklah menggunakan kaedah penulisan Rasm Uthmani dengan saiz 16. Untuk tujuan ini, dicadangkan penggunaan program komputer Quran in Word dengan saiz *font* 12. Penaipan teks hendaklah dianjakkan 1.5 sm ke dalam dari kiri dan kanan perenggan utama.

6.8.1 Petikan Teks al-Qur'an

Petikan teks al-Qur'an hendaklah menggunakan kaedah penulisan Rasm Uthmani dengan saiz 16. Untuk tujuan ini, dicadangkan penggunaan program komputer Quran in Word dengan saiz *font* 12. Penaipan teks hendaklah dianjakkan 1.5 sm ke dalam dari kiri dan kanan perenggan utama.

Maklumat nama dan nombor surah serta nombor ayat al-Qur'an ditulis di bawah petikan teks tersebut, bukan dalam nota kaki.

Contoh 1: Jika menggunakan perisian *Quran in Word* dengan saiz *font* 12:

Firman Allah SWT:



Al-Baqarah 2:12

Terjemahan: Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya

membuat bencana dan kerusakan, tetapi mereka tidak menyedarinya.

Contoh 2: Jika menggunakan teks Arab menggunakan tulisan *Traditional Arabic*, dengan saiz font 16:

Firman Allah SWT:

وَأَنْ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ. إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahan: Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadaNya; supaya Ia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) Ia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang soleh) akan pahala kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya). Kepada Allah jualah kembalinya kamu, dan Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu". (Hud 11:3-4)

Bagi petikan teks al-Qur'an boleh dipetik daripada beberapa laman yang dicadangkan berikut:

- (a) Tanzil.net: <http://tanzil.net>
- (b) The Noble Quran: <https://quran.al-islam.org/>

Bagi terjemahan al-Qur'an dicadangkan agar menggunakan terjemahan *Pimpinan Ar-Rahman* oleh Syeikh Abdullah Basmeih yang boleh dipetik daripada laman-laman berikut:

- (a) Quran ksu: <http://quran.ksu.edu.sa/>
- (b) Tanzil.net: <http://tanzil.net>
- (c) Terjemahan menurut Susunan Surah: <https://www.iiium.edu.my/deed/quran/malay/>
- (d) Surah.My : <http://www.surah.my/1>

6.8.2 Petikan Teks Hadith

Petikan al-Hadith hendaklah menggunakan *font* Traditional Arabic dengan saiz dan kedudukan yang sama seperti penulisan teks dan terjemahan al-Qur'an seperti di atas. Terjemahan al-Hadith juga hendaklah dimasukkan sama seperti terjemahan al-Qur'an seperti di atas.

Maklumat takhrij al-Hadith boleh dimasukkan dalam nota kaki, bukan di bawah petikan teks. Contoh takhrij al-Hadith adalah dengan menyatakan: sumber ambilan al-Hadith yang merangkumi Nama Perawi, Tajuk Kitab, Tajuk Bab, no. al-Hadith. Bagi hadith yang dipetik daripada sumber yang tidak mempunyai nama kitab dan bab, memadai sebut nama sumber, maklumat hadith berkaitan dan nombor hadith.

Bagi al-Hadith yang tidak diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim, martabat al-Hadith hendaklah dinyatakan jika perlu.

Contoh 1:

Daripada Sulaymān bin Ṣurd berkata:

اسْتَبَّ رَجُلَانِ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ عِنْدَهُ
جُلُوسٌ، وَأَحَدُهُمَا يَسُبُّ صَاحِبَهُ، مُغْضَبًا قَدْ احْمَرَّتْ وَجْهَهُ،
فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنِّي لَأَعْلَمُ كَلِمَةً، لَوْ قَالَهَا
لَذَهَبَ عَنْهُ مَا يَجِدُ، لَوْ قَالَ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ
الرَّجِيمِ"

Terjemahan: Dua orang lelaki saling mencela berdekatan Nabi SAW sedangkan kami sedang duduk bersama baginda. Salah seorang dari mereka mencela seorang yang lainnya hingga dia marah dan merah wajahnya. Maka Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya aku akan mengajarkan satu kalimah yang mana jika ia dibaca pasti kemarahan yang timbul di dalam hati akan reda, iaitu: Aku berlindung kepada Allah SWT daripada syaitan yang direjam.⁴³

43. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 516 (Kitāb al-Adab, Bāb al-Ḥadhar min al-Ghaḍab, no. hadith 6115); dan Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1134 (Kitāb a-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Faḍl Man Yamlik Nafsah ‘ind al-Ghaḍab wa bi Ayy Shay’ Yadhhab al-Ghaḍab, no. hadith 6647). Lafaz hadith yang dinukilkan adalah menurut al-Bukhārī.

Daripada ‘Aṭīyah al-Sa‘adī berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَبْلُغُ الْعَبْدُ أَنْ يَكُونَ مِنَ الْمُتَّقِينَ حَتَّى يَدَعَ مَا لَا بَأْسَ بِهِ
حَدْرًا لِمَا بِهِ الْبَأْسُ.

Terjemahan: Tidak akan sampai tahap seseorang hamba itu kepada darjat orang yang bertakwa sehingga dia meninggalkan hal yang kecil yang tidak mengapa kerana dibimbangi ia jatuh ke dalam perkara yang ditegah Allah SWT.⁴⁴

44. Hadith riwayat Ibn Mājah. Aḥmad bin Abī Bakr al-Kanānī menyatakan bahawa sanad hadith ini *ḍa‘īf* kerana antara perawinya adalah al-Rabī‘ bin Anas yang dianggap lemah. Al-Kanānī menukilkan juga pendapat Muḥammad ibn Ḥibbān dalam *al-Thiqāt* yang menyatakan bahawa hadith riwayat al-Rabī‘ diterima jika ia melalui riwayat Abū Ja‘far daripadanya. Demikian juga, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī dalam *Ḍa‘īf al-Targhīb wa al-Tarhīb* dan *Ṣaḥīḥ wa Ḍa‘īf al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr wa Ziyādatih* berpendapat bahawa hadith ini *ḍa‘īf*. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Rabī‘ ibn Mājah al-Qazwīnī, “Sunan Ibn Mājah,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 2481 (Kitāb al-Sunnah, Bāb fī al-‘Imān, no. hadith 70); Aḥmad bin Abī Bakr al-Kanānī, *Miṣbāḥ al-Zujājah fī Zawā‘id Ibn Mājah*, ed. Muḥammad al-Muntaqā al-Kashnāwī (Beirut: Dār al-‘Arabiyyah, 1403H), 1:12; Abū Ḥātim Muḥammad ibn Ḥibbān al-Tamīmī al-Bustī, *al-Thiqāt* (Hyderabad: Maṭba‘ah Majlis Dā‘irat al-Ma‘ārif al-Uthmāniyyah, 1973), 3:131; Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ḍa‘īf al-Targhīb wa al-Tarhīb* (Riyadh: Maktabat al-Ma‘ārif, t.t.), 1:1;

Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ wa Da'īf al-Jāmi' al-Ṣaḥīr wa Ziyādatih* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī), 26:138.

Contoh 2: Bagi Hadith daripada Musnad.

Daripada Ṣafwān bin 'Assāl, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضًا بِمَا طَلَبَ⁴⁵

Terjemahan: “Sesungguhnya para malaikat merendahkan (menaungi) sayap mereka terhadap orang yang menuntut ilmu kerana reda dengan perbuatan (menuntut ilmu) itu.”

45. Aḥmad bin Ḥanbal Abū 'Abd Allāh al-Shaybānī, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, ed. Shu'ib al-Arna'ūṭ et al., (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001), 30:23. (Awal Musnad al-Kufiyyīn, Hadith Ṣafwān bin 'Assāl al-Murādī, no.hadith 18099)

Contoh 3: Bagi Hadith Dalam *al-Mu'jam*

Daripada Anas bin Mālik berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ شَهْرِ حَرَامٍ: الْخَمِيسِ وَالْجُمُعَةِ وَالسَّبْتِ، كُتِبَ لَهُ عِبَادَةٌ سَنَتَيْنِ⁴⁶

Terjemahan: “Sesiapa yang berpuasa tiga hari daripada bulan Haram (Sahsh al-Haram) iaitu (pada) hari Khamis, Jumaat dan Sabtu, nescaya dituliskan baginya ibadah selama dua ratus tahun”

46. Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb, Abū al-Qāsim al-Ṭabaranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, ed. Ṭāriq bin 'Awḍ Allāh bin Muḥammad dan 'Abd al-Muḥsin bin Ibrāhīm al-Husaynī, (al-Qāhirah: Dār al-Ḥaramain, 1415H), 2: 219. (Bāb al-Alf, Man Ismuh Aḥmad, no.hadith 1789).

6.9. Jadual

Jadual hendaklah dimuatkan dalam teks utama dan diletakkan di tengah halaman. Setiap jadual hendaklah mengandungi nombor rujukan jadual berkenaan dan keterangan. Nombor ini mestilah seiring dengan nombor bab. Contohnya, jadual yang terdapat dalam bab tiga hendaklah diberi nombor dan keterangan seperti: Jadual 3.1. Senarai Kehadiran Peserta, Jadual 3.2. Senarai Ketidakhadiran, Jadual 3.3. Senarai Tidak Layak Hadir, dan seterusnya.

Perkataan “Jadual”, nombor dan keterangannya ditulis pada bahagian atas jadual. Jika sesuatu jadual bersambungan pada halaman berikutnya, jadual tersebut hendaklah diceraikan dahulu, kemudian ceraian jadual di halaman baru hendaklah ditulis sebagai: Jadual 3.7. sambungan. Keterangan tidak perlu diulang. Jika sesuatu jadual merupakan petikan, sumber hendaklah dinyatakan.

Jadual 3.1. Peratusan Penghafaz al-Qur’an Berdasarkan Jantina

Bil juz Jantina	30 Juz		25 Juz		20 Juz		15 Juz		10 juz		Jumlah	
Lelaki	1	2%	1	2%	4	8%	11	22%	8	16%	30	60%
Wanita	0		0		1	2%	7	14%	10	20%	20	40%
Jumlah	1	2%	1	2%	5	10%	18	36%	18	36%	50	100%


Sumber: Soal selidik terhadap 50 orang responden yang terdiri daripada golongan hafiz al-Qur’an secara rawak mudah, Kuala Kubu Baru, 2011.

6.10. Rajah

Rajah merupakan ilustrasi atau graf dan apa sahaja yang tidak merupakan teks atau jadual. Perkataan “Rajah”, nombor rajah dan keterangannya hendaklah ditulis di bahagian atas rajah. Lazimnya sesuatu rajah tidak melebihi satu halaman. Jika rajah itu bersambung pada halaman berikutnya, gaya sama dengan gaya penulisan tajuk ceraian jadual di atas hendaklah diikuti.

Contoh:

Rajah 3.2. Graf Perbandingan Tahap Hafalan al-Qur'an Berdasarkan Hafalan Lima Juzuk antara Kaedah Darul Quran dan Kaedah al-Huffaz



Sumber: Perbezaan Tahap Hafalan al-Qur'an Berdasarkan Hafalan 5 Juzuk, Kuala Kubu Baru, 2011.

6.11. Gambar Foto

Gambar foto yang lebih kecil daripada ukuran satu halaman hendaklah dimasukkan pada halaman berkenaan. Keterangan berserta dengan gambar foto hendaklah diletakkan di bawah gambar tersebut.

6.12. Bibliografi

Bibliografi ialah senarai bahan yang telah dirujuk dalam melaksanakan penyelidikan. Senarai ini boleh disusun mengikut kategori yang difikirkan sesuai oleh penyelidik. Pengkategorian boleh dikelaskan berasaskan jenis rujukan seperti buku, majalah, laman sesawang dan sebagainya, atau bahasa seperti Melayu, Arab dan sebagainya.

Penyusunan hendaklah berdasarkan susunan huruf abjad nama pengarang. Bagi pengarang yang mempunyai nama Melayu, susunan hendaklah berdasarkan nama asal. Bagi pengarang yang mempunyai nama keluarga atau gelaran pula, susunannya adalah mengikut nama tersebut. Contoh:

BIBLIOGRAFI

- Abdul Karim Ali, "Perkembangan Fiqh dan Usul di Empayar Uthmaniyyah," dalam *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah: Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintah Islam Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Mohamad Zamri Mohamed Shapik. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2011.
- Ahmad Yumni Abu Bakar & Che Zarrina Saari, *Islam Liberal: Kajian Terhadap Sumber Epistemologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Faizuri Abd Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal Berdasarkan Kitab Aqidah al-Najin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020.
- Al-Fathani, Daud bin Abdullah. *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, trans. Noraine Abu dan Mashadi Masyuti. Batu Caves: al-Hidayah, 2011.
- Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid. *A Return to Purity in Creed: Ijām al-'Awwām 'an 'Ilm al-Kalam*, terj. 'Abdullāh bin Ḥamīd 'Alī. Philadelphia: Lamp Post Productions, 2008.
- _____. "Fayṣal al-Tafriqah," dalam *Majmū'at Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Jilid ke-3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006.
- _____. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Sha'b, t.t.
- Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton Cowan, ed. ke-3. New York: Spoken Language Services, 1976.
- [Ibn 'Arabī, Muḥy al-Dīn Muḥammad bin 'Alī]. *Tafsīr ibn 'Arabī*, ed. 'Abd al-Wāriḥ Muḥammad 'Alī. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ishak bin Suliaman et al. *Autoriti Hadis Menangani Gerakan Antihadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.
- Ishak Suliaman, "Hikmah Ibadat Puasa Ramadan Semasa PKP | Dr. Ishak Suliaman," <https://www.facebook.com/ishak.suliaman/videos/1667910096681612/?extid=PxDHYSVz8DeHsuKF&d=w>
- Joni Tamkin Borhan, "Polisi Kewangan menurut Perspektif Ekonomi Islam," *Jurnal Syariah* 10.1 (2002), 71-88.

- Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005.
- Khadher Ahmad dan Rushdi Ramli, "Hukum Semasa dalam Rawatan Islam: Isu terhadap Pengamalan Kaedah "Scanning" dalam Rawatan Penyakit Gangguan Makhhluk Halus." Makalah, Seminar Hukum Islam Semasa VII (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011.
- Khadher Ahmad, "Praktikal Ruqyah dalam Rawatan Penyakit Menurut Fiqh Imam al-Bukhari," dalam *Dinamika Pengajian al-Quran dan Hadis*, ed. Monika@ Munirah Abd Razzak dan Khadher Ahmad Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Murtad Jenayah Akidah," *Dewan Tamadun Islam*, Julai 2019.
- Al-Khaṭīb al-Tibrīzī, Muḥammad bin 'Abd Allāh. *Mishkāṭ al-Maṣābīḥ*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. 1961; cet. ke-2, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, 1979.
- Luqman Haji Abdullah dan Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, "Pemikiran Dr Said Ramadhan al-Buti Mengenai Manhaj Hukum: Analisa Terhadap Buku al-Salafiyah". dalam *Pemikiran Hukum Islam Semasa: Aliran, Kritikan dan Aplikasi*, ed. Ridhwan Ahmad. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM, 2016.
- Md. Faruk Abdullah, M. Kabir Hassan & Asmak Ab Rahman, "Prospects for Islamic Derivatives in Bangladesh," in *Islamic Corporate Finance*, M. Kabir Hassan, Mamunur Rashid, Sirajo Aliyu, London: Routledge, 2019.
- Mohd Aizam Mas'od dan Mohd Fauzi Hamat, "Pemikiran Skeptikal Syiah terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam Karya-karya Syiah Melayu: Satu Kritikan", *Jurnal AFKAR* 21.1 (2019), 1-52.
- Mohd Anuar Ramli, "Jangan Ambil Mudah Status Halal Produk Makanan," *Berita Harian Online*, 18 September 2020.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin. "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Al al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.

- Nor Raudah Siren, Yusmini Md Yussof dan Mahmudah Nawawi, peny., *Teori-teori Komunikasi*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, "Al-Ṣalāh wa al-Aṣḥāh `ind al-Mu`taẓilah wa al-Māturīdiyyah: Dirāsah Muqāranah bayn al-Zamakhsharī fī al-Kashshāf wa al-Nasaḥī fī Madārik al-Tanzīl," *Jurnal AFKAR* 21.2 (2019), 257-292.
- University of Chicago Press. *The Chicago Manual of Style*. Ed. ke-16. Chicago: University of Chicago Press, 2010.
- Wan Adli. "A Traditionalist Theological Evaluation of Muslim Liberal Interpretation of the Qur'an on the Subject of 'Religious Pluralism'." Tesis kedoktoran, University of Wales, Lampeter, 2011.
- Yusmini Md Yussof dan Azura Awang, "Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran," [Keluaran Khas]. *Jurnal Usuluddin* 47 (2019), 105-118.

* Nota: Tanda " _____ " menunjukkan bahan berkenaan dihasilkan oleh penulis yang sama seperti sebelumnya.

6.13. Ejaan dan Transliterasi

Penulisan ilmiah dalam Bahasa Melayu hendaklah menggunakan ejaan baku yang boleh dirujuk dalam *Kamus Dewan*. Istilah atau kalimah dalam bahasa asing hendaklah diitalik dan ditransliterasi. Panduan transliterasi hendaklah dirujuk dalam bab lima buku panduan ini.

6.14. Pembacaan Prof yang Muktamad

Tesis atau disertasi yang hendak diserahkan mestilah dibuat pembacaan prof terlebih dahulu oleh penyelidik dengan mendapat pengesahan penyelia. (Sila lihat Lampiran A: Senarai Semak Disertasi dan Tesis).

6.15. Penyerahan Tesis atau Disertasi

6.15.1. Salinan untuk Pemeriksaan

Tesis Doktor Falsafah [empat (4) naskhah] atau disertasi sarjana [empat (4) naskhah] hendaklah dicetak dan dijilid dengan kulit nipis berwarna merah *rexine*. Satu daripadanya

mestilah merupakan naskah cetakan asal. Peraturan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Tajuk lengkap, nama pengarang, nama Jabatan dan Akademi serta tahun penyerahan hendaklah dicetak di atas kulit luar dengan *font* Arial Narrow, bersaiz 15, berwarna emas dengan huruf besar.

Nama pengarang, tajuk lengkap, tahun penyerahan dan nama ijazah yang akan dianugerahkan hendaklah dicetak di atas tetulang sisi dengan *font* Arial Narrow, bersaiz 15, berwarna emas dengan huruf besar. Contohnya seperti di Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C.

6.15.2. Perakuan Keaslian Penulisan

Borang perakuan keaslian penulisan boleh dimuat turun dari laman <http://ips.um.edu.my/images/ips/doc/download/Hasilkerja.PDF> dan perlu ditandatangani oleh penyelidik dan saksinya serta diletakkan sebelum abstrak. Penyelidik perlu menggunakan perakuan keaslian penulisan sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

6.15.3. Surat Pengesahan Pembentangan Seminar-*Proposal Defence (PD)*, Surat Pengesahan *Candidature Defence (CD)* dan Seminar Hasil (tertakluk kepada keperluan pengijazahan mengikut *cohort*)

6.15.4. Surat Kelulusan Tajuk

6.15.5. Keputusan Bahasa Malaysia (bagi yang berkenaan)

6.15.6. Bukti kelulusan Bahasa Inggeris (bagi yang berkenaan)

6.15.7 Bukti Pengesahan Pembayaran Yuran daripada Pejabat Bendahari

7. PANDUAN TRANSLITERASI

7.1. Konsonan

Arab	Roman
ا, ء	a, 'a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r

Arab	Roman
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f

Arab	Roman
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

7.2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـَـ	a	قَانَتَ	<i>qanata</i>
ـِـ	i	سَلِمَ	<i>salima</i>
ـُـ	u	جُعِلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا، ي	ā	كُبْرَى، بَابُ	<i>bāb, kubrā</i>
ي	ī	وَكَيْلٌ	<i>wakīl</i>
و	ū	سُورَةٌ	<i>sūrah</i>

7.3. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـَـ وُـ	aw	قَوْلٌ	<i>qawl</i>
ـِـ يـ	ay	خَيْرٌ	<i>khayr</i>
ـَـ وُـ	uww	قُوَّةٌ	<i>quwwah</i>
ـِـ يـ	iy, ī	عَرَبِيٌّ	<i>'arabiy/ī</i>

7.4. Contoh Penggunaan Pedoman Transliterasi

7.4.1. Alif “ا” dan wāw “و” sebagai vokal tidak perlu diromanisasikan. Contohnya:

أولئك : *ulā'ik*

قالوا : *qālū*

جعلوا : *ja'alū*

إسمعوا : *isma'ū*

7.4.2. Tanda (-) mewakili vocal “a” panjang yang dimansuhkan. Contohnya:

ابراهيم : *Ibrāhim*

سليمان : *Sulaymān*

موسى : *Mūsā*

عيسى : *‘Īsā*

7.4.3. Alif “ا” hendaklah diromanisasikan sebagai “ā” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

قال : *qāl*

قاري : *qārī*

رضى : *riḍā*

الإسلام : *al-Islām*

7.4.4. Wāw “و” hendaklah diromanisasikan sebagai “w” jika berfungsi sebagai konsonan, sama ada di awal, tengah atau akhir kalimah. Contohnya:

ويل : *wayl*

وقف : *waqf*

حلوى : *ḥalwā*

عوض : *‘iwaḍ*

دلو : *dalw*

نحو : *naḥw*

7.4.5. Wāw “و” hendaklah diromanisasikan sebagai “ū” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

صورة : *ṣūrah*

وقوف : *wuqūf*

سورة : *sūrah*

ذو : *dhū*

7.4.6. Wāw “و” hendaklah diromanisasikan sebagai “aw” jika berfungsi sebagai diftong. Contohnya:

أولى : *awlā*

خوف : *khawf*

أوحى : *awḥā*

نوم : *nawm*

7.4.7. Yā’ “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “y”. Contoh:

يوم : *yawm*

عين : *‘ayn*

يحي : *Yaḥyā*

وحي : *waḥy*

7.4.8. Yā’ “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “ī” jika berfungsi sebagai vokal panjang. Contohnya:

إيمان : *īmān*

قيل : *qīl*

إيلاء : *īlā’*

في : *fī*

7.4.9. Yā’ “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “ay” jika berfungsi sebagai diftong. Contohnya:

أينما :	<i>aynamā</i>	القيوم :	<i>al-Qayyūm</i>
عيني :	<i>'aynay</i>	شياء :	<i>shay'</i>

7.4.10. Alif maqṣūrah “ى” hendaklah diromanisasikan sebagai “ā” jika berfungsi sebagai vocal panjang. Contohnya:

عيسى :	<i>‘Īsā</i>	صغرى :	<i>sughrā</i>
المأوى :	<i>al-Ma’wā</i>	دعوى :	<i>da’wā</i>

7.4.11. Hamzah “ء” di awal kalimat hendaklah diromanisasikan sebagai sama ada “a”, “i” atau “u” mengikut bunyi. Contohnya:

أبرار :	<i>abrār</i>	أكبر :	<i>akbar</i>
إن :	<i>inna</i>	إنسان :	<i>insān</i>
أمرت :	<i>umirtu</i>	أنس :	<i>uns</i>

7.4.12. Hamzah “ء” hendaklah diromanisasikan sebagai (‘) jika hidup atau mati atas sesuatu konsonan atau diftong. Contohnya:

المسألة :	<i>al-</i> <i>mas’alah</i>	الرأي :	<i>al-ra’y</i>
عجائب :	<i>‘ajā’ib</i>	خطيء :	<i>khaṭī’</i>

7.4.13. Alif māddah “ī” yang terdapat pada awal atau tengah kata hendaklah ditransliterasikan sebagai a. Contohnya:

القرآن :	<i>al-Qur’ān</i>	مأبأ :	<i>ma’ābā</i>
أمنين :	<i>āminīn</i>	آخر :	<i>ākhar</i>

7.4.14. Shaddah “ّ” atas wāw “و” hendaklah diromanisasikan sebagai “aww” jika berada selepas konsonan berbaris *fatḥah* dan berfungsi serentak sebagai diftong dan konsonan. Contohnya:

توّاب :	<i>tawwāb</i>	صوّر :	<i>ṣawwar</i>
أوّل :	<i>awwal</i>	عوّام :	<i>‘awwām</i>

7.4.15. Shaddah “ّ” atas wāw “و” hendaklah diromanisasikan sebagai “uww” jika berada selepas konsonan berbaris *ḍammah* dan berfungsi sebagai konsonan. Contohnya:

قوّة :	<i>quwwah</i>	نبوّة :	<i>nubuwwah</i>
غلوّ :	<i>ghuluww</i>	عدوّ :	<i>‘aduww</i>

7.4.16. Shaddah “ّ” atas yā’ “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “iyy” jika berada selepas konsonan berbaris *kasrah* dan

berfungsi serentak sebagai vokal panjang dan konsonan. Contohnya:

العربية	: al-'Arabiyyah	الماتريديية	: al-Māturīdiyyah
هدية	: <i>hadiyyah</i>	ألوهية	: <i>Ulūhiyyah</i>

7.4.17. Shaddah “ّ” atas yā’ “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “T” jika berada selepas konsonan berbaris *kasrah* di akhir kalimah. Contohnya:

نبيّ	: <i>nabī</i>	القرضاويّ	: al-Qaraḍāwī
أخرويّ	: <i>ukhrawī</i>	الطبريّ	: al-Ṭabarī

7.4.18. Shaddah “ّ” atas yā’ “ي” hendaklah diromanisasikan sebagai “ayy” jika berada selepas konsonan berbaris *fathah* dan berfungsi serentak sebagai diftong dan konsonan. Contohnya:

سيّدة	: <i>sayyidah</i>	أيّام	: <i>ayyām</i>
حيّ	: <i>ḥayy</i>	غيّ	: <i>ghayy</i>

7.4.19. Shaddah “ّ” atas huruf konsonan hendaklah diromanisasikan dengan menulis huruf tersebut sekali lagi. Contohnya:

ربّيّنا	: <i>Rabbanā</i>	إنّيّنا	: <i>innā</i>
ثمّ	: <i>thumma</i>	كشّاف	: <i>kashshāf</i>

7.4.20. Alif lām hendaklah diromanisasikan sebagai “al” sama ada bagi *lām shamsiyyah* atau *qamariyyah* dan dihubungkan dengan kalimah induk dengan tanda sempang (-). Dalam pada itu, “a” dalam “al” tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Melayu. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kalimah induk. Contohnya:

الامتحان	: <i>al-imtihān</i>	الأصل	: <i>al-aṣl</i>
المكّيّة	: <i>al-</i> <i>makkiyyah</i>	الفتوحات	: <i>al-futūḥāt</i>

7.4.21. *Tā’ al-marbūṭah* di akhir kalimah hendaklah diromanisasikan dengan “h” jika kalimah itu bermula dengan *al-* atau menjadi kalimah terakhir dalam sesuatu ayat. Contohnya:

المكتبة الوهبة	: al-Maktabah al-
	Wahbah
الرسالة العلمية	: <i>al-risālah al-‘ilmiyyah</i>

7.4.22. *Tā' al-marbūṭah* di akhir kalimah hendaklah diromanisasikan dengan "t" jika selepasnya kalimah bermula dengan *al-*. Contohnya:

مشكاة المصابيح : *Mishkāt al-Maṣābīḥ*

تحفة الأحوزي : *Tuḥfat al-Aḥwadhī*

7.4.23. Tanwin hendaklah diromanisasikan mengikut ejaan, bukan sebutan. Contohnya:

إنسانٌ : *insān*

عينٌ : *'ayn*

حيٌ : *ḥayy*

قوةٌ : *quwwah*

7.4.24. Kalimah Bahasa Arab yang telah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu hendaklah dieja mengikut Bahasa Melayu. Semua kalimah Bahasa Arab, Inggeris atau bahasa asing hendaklah diitalik kecuali nama khas.

7.4.25. Kata nama khas hendaklah diromanisasikan dengan mengambil kira penggunaan huruf besar seperti kaedah ejaan Bahasa Melayu. Contohnya:

محمد : *Muḥammad*

الندوي : *al-Nadawī*

أبو الحسن : *Abū al-*

أبو بكر : *Abū Bakr*

Ḥasan

LAMPIRAN

Lampiran A1 – Contoh Kulit Hadapan

Tesis/Disertasi Bahasa Melayu

Tulisan huruf besar, *font* Arial Narrow, *Single spacing* dan *bold* bersaiz 16, tulisan berwarna emas atas kulit berwarna merah *rexine*.

**PENGLIBATAN MASYARAKAT MELALUI
SISTEM ADUAN AWAM MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM: KAJIAN DI JABATAN
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA DAN TABUNG
HAJI**

MADIHATUN BINTI ZAINUDDIN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Inggeris

Tulisan huruf besar, *font* Arial Narrow, *Single spacing* dan *bold* bersaiz 16, tulisan berwarna emas atas kulit berwarna merah *rexine*.

**SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS AND THE
CONTINUATION OF THE SUFI TRADITION**

MOHAMAD IMRAN HALIMI

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Arab

Tulisan huruf besar, *font* Arial Narrow, *Single spacing* dan *bold* bersaiz 16, tulisan berwarna emas atas kulit berwarna merah *rexine*.

الفساد المالي وتأثيره على الاقتصاد الوطني من
منظور الشريعة الإسلامية: دراسة تطبيقية بالمملكة
العربية السعودية

يوسف جزاء اجلهي

أكاديمية الدراسات الإسلامية
جامعة ملایا
كوالا لمبور
2020

Lampiran A2 - Contoh Halaman Hadapan

Tesis/Disertasi Bahasa Melayu

Tulisan huruf besar, *font* Times New Roman, bersaiz 14, *Single spacing* dan *bold*

**PENGLIBATAN MASYARAKAT MELALUI
SISTEM ADUAN AWAM MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM: KAJIAN DI JABATAN
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA DAN TABUNG
HAJI**

MADIHATUN BINTI ZAINUDDIN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Inggeris

Tulisan huruf besar, *font* Times New Roman, bersaiz 14, *Single spacing* dan *bold*

**SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS AND THE
CONTINUATION OF THE SUFI TRADITION**

MOHAMAD IMRAN HALIMI

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Arab

Tulisan *font* Traditional Arabic, bersaiz 16, *Single spacing* dan *bold*

الفساد المالي وتأثيره على الاقتصاد الوطني من
منظور الشريعة الإسلامية: دراسة تطبيقية بالمملكة
العربية السعودية

يوسف جزاء اجلهي

أكاديمية الدراسات الإسلامية
جامعة ملایا
كوالا لمبور
2020

Lampiran A3 – Contoh Halaman Tajuk

Tesis/Disertasi Bahasa Melayu

Tulisan huruf besar, *font* Times New Roman, bersaiz 14, *Single spacing* dan *bold*

**PENGLIBATAN MASYARAKAT MELALUI
SISTEM ADUAN AWAM MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM: KAJIAN DI JABATAN
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA DAN TABUNG
HAJI**

MADIHATUN BINTI ZAINUDDIN

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Inggeris

Tulisan huruf besar, *font* Times New Roman, bersaiz 14, *Single spacing* dan *bold*

**SCIENTIFIC QURANIC EXEGESIS VIA INTERNET: A
COMPARATIVE ANALYSIS OF ABDUL DAEM AL-
KAHEEL AND ZAGHLOUL EL-NAGGAR APPROACHES
IN THEIR WEBSITE**

LUKMAN AFANDI

**THESIS SUBMITTED IN FULLFILLMENT
OF THE REQUIREMENTS FOR THE DEGREE OF
DOCTOR OF PHILOSOPHY**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Arab

Tulisan huruf besar, font Traditional Arabic, bersaiz 16, Single spacing dan bold

الفساد المالي وتأثيره على الاقتصاد الوطني من
منظور
الشريعة الإسلامية: دراسة تطبيقية بالمملكة العربية
السعودية

يوسف جزاء الجهي

قدمت هذه الأطروحة تلبية لمتطلبات الحصول على درجة
دكتوراه الفلسفة

أكاديمية الدراسات الإسلامية
جامعة ملايا
كوالالمبور
2020

Lampiran A3 – Contoh Halaman Tajuk

Tesis/Disertasi Bahasa Melayu

Tulisan huruf besar, *font* Times New Roman, bersaiz 14, *Single spacing* dan *bold*

**PRODUK DEPOSIT BERASASKAN TAWARRUQ
DI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA:
ANALISISTERHADAP ELEMEN *HIYAL***

MUHAMMAD IZZUL SYAHMI ZULKEPLI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Inggeris

Tulisan huruf besar, *font* Times New Roman, bersaiz 14, *Single spacing* dan *bold*

**UNDERSTANDING OF TRADITIONAL
PESANTREN ULAMA IN SUKABUMI ON
RELIGIOUS TOLERANCE**

ABDILLAH

**DISSERTATION IS PRESENTED TO MEET
REQUIREMENTS FOR MASTER DEGREE OF
USULUDDIN**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Arab

Tulisan huruf besar, *font* Traditional Arabic, bersaiz 16, *Single spacing* dan *bold*

مشاركة الأقلية المسلمة في الانتخابات الأمريكية:
دراسة فقهية تأصيلية

غيلان علي مسعد الجبلي

قدمت هذه الرسالة تلبية لمتطلبات الحصول على
درجة ماجستير الدراسات الإسلامية

أكاديمية الدراسات الإسلامية

جامعة ملايا

كوالا لمبور

2020

سلوكيات المسلمين الاجتماعية في المساجد في ضوء
سورة التوبة: الحرم المكي نموذجاً

عبير محمد

قدمت هذه الرسالة استكمالاً لمتطلبات الحصول على
درجة ماجستير أصول الدين

أكاديمية الدراسات الإسلامية
جامعة ملايا
كوالالمبور
2020

Lampiran B1 – Contoh Kulit Hadapan

Tesis/Disertasi Bahasa Melayu

Tulisan huruf besar, *font* Arial Narrow, *Single spacing* dan *bold* bersaiz 16, tulisan berwarna emas atas kulit berwarna merah *rexine*

**PRODUK DEPOSIT BERASASKAN TAWARRUQ
DI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA:
ANALISISTERHADAP ELEMEN *HIYAL***

MUHAMMAD IZZUL SYAHMI ZULKEPLI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Inggeris

Tulisan huruf besar, *font* Arial Narrow, *Single spacing* dan *bold* bersaiz 16, tulisan berwarna emas atas kulit berwarna merah *rexine*

**UNDERSTANDING OF TRADITIONAL
PESANTREN ULAMA IN SUKABUMI ON
RELIGIOUS TOLERANCE**

ABDILLAH

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2020**

Tesis/Disertasi Bahasa Arab

Tulisan huruf besar, *font* Traditional Arabic, *Single spacing* dan *bold* bersaiz 18, tulisan berwarna emas atas kulit berwarna merah *rexine*.

سلوكيات المسلمين الاجتماعية في المساجد في ضوء
سورة التوبة: الحرم المكي نموذجاً

عبير محمد

أكاديمية الدراسات الإسلامية
جامعة ملایا
كوالا لمبور
2020

Lampiran C – Bahagian Tetulang Sisi

NAMA	NAMA IJAZAH (PhD, MUs, MSh, MIS) TAHUN
TAJUK	
MADIHATUN BINTI ZAINUDDIN	PENGLIBATAN MASYARAKAT MELALUI SISTEM ADUAN AWAM MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: KAJIAN DI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA DAN TABUNG HAJI PhD 2020
MUHAMMAD IZZUL SYAHMI ZULKEPLI	PRODUK DEPOSIT BERASASKAN TAWARRUQ DI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA: ANALISIS TERHADAP ELEMEN HIYAL MSh 2020

Lampiran D – Senarai Semak Disertasi dan Tesis

TAJUK PENYELIDIKAN

- Adakah tajuk penyelidikan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akademik, Akademi Pengajian Islam berdasarkan surat kelulusan tajuk fakulti?

ABSTRAK

- Adakah abstrak dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab tidak mempunyai kesilapan-kesilapan nahu dan ejaan serta mengikut format yang diperlukan?

PERNYATAAN KAEDAH PENGUMPULAN DATA

- Sudahkah anda memastikan semua kaedah yang digunakan dalam proses pengumpulan data seperti kaedah pengumpulan data dan kaedah persampelan dinyatakan dengan telus dan jelas?

PERSEMBAHAN

- Adakah semua rajah dan carta (jika ada) mempunyai tajuk yang sesuai dan diberi nombor yang betul mengikut urutannya serta dinyatakan sumbernya?
- Adakah semua nota kaki dalam format yang sesuai dan penomborannya dalam susunan yang betul?
- Adakah penggunaan singkatan-singkatan seperti *ibid.* dan sebagainya digunakan dengan cara yang betul?
- Adakah senarai bibliografi disusun mengikut format yang betul?
- Sebelum menjilid, sudahkah anda memastikan setiap salinan sama ada yang berkulit nipis untuk pemeriksaan atau salinan kekal berkulit tebal, tidak ada halaman yang tertinggal atau dalam keadaan yang tidak sempurna seperti terbalik atau sebahagian muka surat mempunyai cetakan yang tidak jelas ?

ANALISIS

- Adakah anda telah memastikan bahawa semua objektif dan hipotesis yang telah digariskan telah terjawab atau dibuktikan dengan jelas?

- Adakah setiap rumusan yang anda buat berasaskan data yang mencukupi, relevan, dan sah?
- Adakah cadangan-cadangan yang anda kemukakan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji berasaskan rumusan yang diperolehi?

TERJEMAHAN TAJUK

- Sila pastikan tajuk kajian anda diterjemahkan ke Bahasa Inggeris (jika kajian anda dalam Bahasa Malaysia/Arab) dan dikemukakan kepada Bahagian Ijazah Tinggi.

PENGHARGAAN

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatankuasa Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi APIUM sehingga menghasilkan buku panduan ini.

Edisi Pertama (2001)

Profesor Madya Dr Ab. Mu'min Ab. Ghani – Pengerusi
Profesor Dr Ab Aziz Mohd Zin
Profesor Dr Abdullah @ Alwi Hj. Hassan
Profesor Dr Abd Halim Mat Diah
Profesor Madya Dr Idris Awang
Profesor Madya Dr Ahmad Hidayat Buang
Profesor Madya Dr Suwaid Tapah
Dr Che Zarrina Sa'ari
Dr Shamsiah Mohamad
Dr Rushdi Ramli
Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail
Dr Siti Mashitoh Mahamood
Encik Samsudin Mohamed – Setiausaha

Edisi Kedua (2006)

Profesor Madya Dr Idris Awang – Pengerusi
Profesor Madya Dr Suwaid Tapah
Profesor Madya Dr Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff
Profesor Madya Dr Anisah Ab. Ghani
Dr Mohd Fauzi bin Hamat
Dr Patmawati Hj. Ibrahim
Encik Ahmad Faisal bin Abdul Hamid
Encik Kamaruzzaman bin Nordin
Encik Mohamad Zaidi Abdul Rahman
Puan Norrodzoh Hj. Siren
Puan Zalina binti Zakaria

Disemak oleh:

Profesor Dr Ab Aziz Mohd Zin – Pengerusi
Profesor Madya Dr Joni Tamkin bin Borhan
Profesor Dr Abdullah @ Alwi Hj. Hassan
Profesor Madya Dr Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff

Urusetia:

Puan Masjiwa Haji Hanipah

Puan Suzana binti Muhamad Zain – Setiausaha

Edisi Ketiga (2011)

Profesor Madya Dr Mustaffa Abdullah – Pengerusi

Sedek Ariffin – Setiausaha

Profesor Madya Dr Wan Suhaimi Bin Wan Abdullah

Profesor Madya Dr Abdul Karim Ali

Profesor Madya Dr Che Zarrina Saari

Profesor Madya Dr Raihanah Hj Abdullah

Dr Asmak Abdul Rahman

Dr Abdul Wahed Jalal Nore

Edisi Keempat (2020)

Profesor Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat - Pengerusi / Timbalan

Pengarah Ijazah Tinggi

Profesor Madya Dr. Che Zarrina binti Sa'ari

Profesor Madya Dr. Ishak bin Hj. Suliaman

Profesor Madya Dr. Asmak binti Ab Rahman

Profesor Madya Dr. Abdul Karim bin Ali

Dr. Ahmad bin Yussuf

Dr. Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid

Dr. Wan Adli bin Wan Ramli

Dr. Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman

Dr. Yusmini binti Md Yusoff

Dr. Khadher bin Ahmad

Urusetia:

Puan Nor Zahian binti Hanafi

Puan Harfizah binti Musa



**DITERBITKAN OLEH:
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR.**